

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]**  
**TARIKH** : **18 MAC 2014**  
**SOALAN** : **Dato' Mansor bin Othman** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Malaysia mampu menghasilkan padi yang cukup supaya dapat memenuhi permintaan domestik dan apakah insentif-insentif yang boleh diberikan kepada para petani bagi menjayakan usaha tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini, pengeluaran padi negara masih belum mencukupi untuk menampung keperluan domestik dan ditampung dengan pengimportan beras daripada negara luar. Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 - 2020, Kerajaan telah menetapkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara dikekalkan pada kadar 70%. Namun begitu, kadar ini akan dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira jaminan bekalan dalam negara, senario pasaran beras global dan kos relatif pengimportan. Pada tahun 2012, SSL beras negara adalah sebanyak 73.5% di mana penggunaan beras sebanyak 2.33 juta tan metrik oleh penduduk seramai 29.5 juta orang berdasarkan penggunaan per kapita sebanyak 79.1 kilogram seorang setahun. Untuk itu, negara telah mengimport beras sebanyak 983,026 tan metrik pada tahun 2012 bagi memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi.

Kerajaan juga memfokuskan kepada pengeluaran padi dengan meningkatkan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti yang mana secara tidak langsung akan meningkatkan SSL beras

negara. Kerajaan telah memberikan pelbagai jenis subsidi dan insentif dalam industri padi dan beras supaya hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan dan membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta meningkatkan pendapatan mereka. Pemberian subsidi dan insentif tersebut termasuk pembekalan input-input pertanian seperti benih, baja, racun, kapur dan pembajakan.